

Pakej Rangsangan Ekonomi Diskaun Elektrik (bagi Semenanjung Malaysia)

1. Apakah bentuk diskaun yang disediakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE)?

Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) berjumlah RM250 bilion telah dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah tiga strategi:



Untuk menangani kesan COVID-19



Untuk memangkin pertumbuhan berteraskan rakyat



Untuk menggalakkan pelaburan berkualiti

Pihak Kerajaan dan TNB memahami situasi semua pihak yang terlibat dari segi implikasi kepada ekonomi dan kewangan.

Sehubungan itu, bagi menyokong usaha Kerajaan dan dalam meringankan beban ekonomi bagi sektor industri yang terkesan termasuk para pelanggan, TNB menyediakan diskaun elektrik selama enam (6) bulan seperti berikut:

6 Bulan (bagi penggunaan elektrik dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020)

Pelanggan Bukan Domestik		Pelanggan Domestik
Diskaun Bulanan 15%	Diskaun Bulanan 2%	Diskaun sehingga 50% bagi semua pelanggan domestik/kediaman berdasarkan jumlah penggunaan elektrik
6 sektor yang dikenal pasti paling terkesan dari impak Covid-19	Tidak termasuk 6 sektor yang dikenal pasti	50% Diskaun bagi bil RM43.60 dan ke bawah (1 kWj - 200 kWj)
Pengendali Hotel Agensi Pelancongan Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan Pusat Membeli Belah Pusat Konvensyen Taman Tema	Perdagangan Industri Pertanian Spesifik	25% Diskaun bagi bil RM43.70 hingga RM77.00 (201 kWj - 300 kWj) 15% Diskaun bagi bil RM77.10 hingga RM231.80 (301 kWj - 600 kWj) 2% Diskaun bagi bil RM231.90 dan ke atas (>600 kWj)

2. Siapakah yang layak menerima diskaun ini?




Perdagangan



Industri



Pertanian
Spesifik



Domestik/Kediaman

Nota: Tidak termasuk pemegang Lesen Awam Pengagihan dengan Tarif Khas



3. Berapa ramai pelanggan akan menerima diskaun ini dan berapakah jumlah keseluruhan diskaun yang diberikan?

Pelanggan yang layak menerima diskaun ini adalah seperti di bawah:

Kategori Pelanggan	Bilangan Pelanggan	Kadar Diskaun
6 sektor yang dikenal pasti • Pengendali Hotel • Agensi Pelancongan • Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan • Pusat Membeli Belah • Pusat Konvensyen • Taman Tema	10,417	15%
Perdagangan (selain dari 6 sektor perniagaan terpilih)	1,567,403	2%
Industri	30,520	2%
Pertanian Spesifik	2,326	2%
Domestik/Kediaman dengan penggunaan bulanan: • 1-200 kWj atau bil sehingga RM43.60 • 201-300 kWj atau bil RM43.70 sehingga RM77 • 301-600 kWj atau RM77.10 sehingga RM231.80 • > 600 kWj atau RM231.90 dan ke atas	2,969,481 1,469,692 2,167,063 799,705	50% 25% 15% 2%
Jumlah	9,016,607	

Jumlah Anggaran Diskaun Untuk Tempoh Penggunaan 6 Bulan
(1 April 2020 - 30 September 2020)

RM1,024.7juta

4. Berapa lamakah tempoh diskaun elektrik ini diberi?

6 Bulan (bagi penggunaan elektrik dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020)

